# PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025

## PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL

MQA
Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency



# PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025

## PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL

MQA
Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency



© Agensi Kelayakan Malaysia 2021
Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Agensi Kelayakan Malaysia.

ISBN 978-967-0996-12-7

Diterbitkan oleh:
Unit Perancangan Strategik
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Agensi Kelayakan Malaysia



# “PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

# *“GLOBAL QUALITY HIGHER EDUCATION”*

## 3R

- *Relevant*
- *Referred*
- *Respected*

## 2A

- Akademik
- Akhlak

# ISI KANDUNGAN


## 01

**6 NOTA INSPIRASI PENGERUSI**

## 02

**PENA ILTIZAM KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF 8**

## 03

**10 RINGKASAN EKSEKUTIF**

11 KERANGKA PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025

12 RINGKASAN TERAS STRATEGIK DAN STRATEGI

## 04

**PENGENALAN KEPADA MQA 13**

LATAR BELAKANG 14

FUNGSI 15

VISI, MISI DAN OBJEKTIF 16

MATLAMAT 17

NILAI TERAS 17

CARTA ORGANISASI 18

PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PERKHIDMATAN MQA 20

PERKHIDMATAN 21

EKOSISTEM MQA 22

JARINGAN KERJASAMA GLOBAL MQA 23

## 05

**26 TINJAUAN PRESTASI PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020**

27 PENCAPAIAN KESELURUHAN

27 LAKARAN KECEMERLANGAN

## 06

30 **PROSES PEMBANGUNAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025**

31 PROSES PENYEDIAAN

32 KERANGKA PEMBENTUKAN PELAN TINDAKAN

33 PENJAJARAN DENGAN AGENDA PEMBANGUNAN NASIONAL DAN ANTARABANGSA

44 ANALISIS SWOT DAN CABARAN SEMASA

## 08

87 **MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN**

88 PENDEKATAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025

89 PEMANTAUAN PELAN TINDAKAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025

## 09

90 **PENUTUP**

## 07

**TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN** 49

RUMUSAN PELAN TINDAKAN 50

TERAS STRATEGIK 1: EKOSISTEM PENDIDIKAN FLEKSIBEL 51

TERAS STRATEGIK 2: KETERSEDIAAN BAKAT INDUSTRI 60

TERAS STRATEGIK 3: PENYAMPAIAN EFEKTIF DISOKONG KEMAMPANAN SUMBER 66

TERAS STRATEGIK 4: RUJUKAN ANTARABANGSA 80

## 10

**SINGKATAN** 92

## 11

**RUJUKAN** 96

## 12

**PENGHARGAAN** 97

# *Nota Inspirasi* PENGERUSI



**Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera**

Perancangan Strategik Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) 2021-2025 merupakan pelan perancangan komprehensif lima tahun MQA yang menggariskan hala tuju agensi dalam menyokong dasar semasa kementerian dan kerajaan. Pelan ini merupakan kesinambungan terhadap program-program yang telah dimulakan melalui Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 (bagi tempoh 2016-2020) dan kini diperkukuhkan dengan pelaksanaan beberapa inisiatif baharu pendidikan fleksibel yang dijangka akan memantapkan lagi landskap pendidikan tinggi negara melalui penerokaan program baharu bertemakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) yang menyokong agenda Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang 2030.

MQA sentiasa peka akan perkembangan terkini pendidikan tinggi dan melaksanakan program yang menyokong agenda pembangunan negara dan antarabangsa termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)], Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Majlis TVET Negara (MTVET), Perancangan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi, Dasar-dasar Pendidikan Tinggi Negara dan *Sustainable Development Goals 2030*.

Sebagai sebuah badan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara, MQA akan sentiasa mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian dan menambah baik proses jaminan kualiti dari semasa ke semasa melalui pelaksanaan program-program yang digariskan dalam dokumen perancangan strategik ini bagi memastikan kualiti pendidikan tinggi negara adalah terjamin dan sekaligus memperkukuh kerelevanan dan keterlihatan MQA yang menjadi rujukan dan ditanda aras di persada antarabangsa.

Saya berharap perancangan strategik ini akan menjadi panduan kepada warga kerja MQA dalam melaksanakan fungsi dan peranannya agar sentiasa relevan dan responsif kepada keperluan semasa pihak berkepentingan. Pada masa yang sama diharapkan dokumen perancangan strategik ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada pihak berkepentingan khususnya pemberi pendidikan tinggi selaku agen pembangun bakat masa hadapan negara.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025. Komitmen dan dedikasi setiap warga MQA adalah sangat diharapkan dalam memastikan setiap program yang digariskan dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Hasilnya bukan sahaja untuk dikecapi oleh warga kerja sahaja malahan akan memberikan impak positif ke atas keseluruhan ekosistem pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

*"Relevant, Referred, Respected"*



**PROFESOR EMERITA DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL**
Pengerusi
Majlis Agensi Kelayakan Malaysia

# Pena Iltizam

# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF




**Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera**

Perancangan Strategik MQA 2021-2025 ini mengambil kira perkembangan landskap pendidikan tinggi negara selaras dengan Revolusi Industri 4.0. Ia merupakan dokumen rujukan utama yang menjadi rangka kerja yang memacu pelaksanaaan aktiviti jaminan kualiti yang lebih efisien dan memberikan impak tinggi kepada ekosistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.

Antara langkah awal proses pembangunan perancangan strategik ini, MQA telah mengadakan Bengkel Pembangunan Perancangan Strategik Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) 2021-2025 pada 5-6 Ogos 2019 yang meliputi skop *Future of Education and Talent in the Era of Fourth Industrial Revolution* (IR 4.0) *and Society 5.0*. Bengkel yang melibatkan perkongsian pengetahuan daripada pakar dalam kalangan akademik, industri dan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) ini telah berjaya mencetuskan teras strategik dan strategi yang menjadi tunjang utama kepada dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025.

Dokumen perancangan strategik ini merupakan komitmen seluruh warga kerja MQA yang menyumbang dalam pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang bakal menjadi panduan organisasi dalam melestarikan fungsi dan peranannya bagi tempoh lima tahun akan datang. Ia merupakan suatu manifestasi dan iltizam MQA yang sentiasa berusaha dari semasa ke semasa memantapkan kualiti perkhidmatan di samping menyajikan inisiatif baharu kepada pihak berkepentingan.

Perancangan Strategik MQA 2021-2025 telah dibangunkan dengan empat teras strategik yang dijangka dapat memberikan hasilan yang realistik dan berimpak tinggi, seterusnya mengukuhkan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara. Empat teras strategik tersebut adalah seperti berikut:

i. Ekosistem Pendidikan Fleksibel
ii. Ketersediaan Bakat Industri
iii. Penyampaian Efektif Disokong Kemampanan Sumber
iv. Rujukan Antarabangsa

Pelaksanaan program dan subprogram di bawah keempat-empat teras strategik tersebut bukan sahaja berbentuk pengukuhan, peningkatan dan lonjakan baharu kepada asas yang digariskan dalam Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 (bagi tempoh 2016-2020) tetapi lebih penting menzahirkan iltizam dengan penerokaan inisiatif baharu yang belum pernah digarap sebelumnya.

Kesemua inisiatif yang digarap di bawah Perancangan Strategik MQA 2021-2025 ini menjurus kepada pengukuhan dan pemantapan terhadap program sedia ada yang sedang dilaksanakan oleh MQA di samping beberapa inisiatif baharu yang dijangka dapat melonjakkan MQA ke tahap yang lebih cemerlang. Pada masa yang sama, sebagai sebuah agensi jaminan kualiti pendidikan tinggi berautoriti global yang diiktiraf dan dirujuk, MQA bertekad untuk sentiasa meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan kepada pihak berkepentingan. Pemantauan berterusan bagi setiap program akan dilaksanakan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program tersebut.

Sukacitanya dengan ini saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas usaha gigih dan komitmen Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Pembangunan Perancangan Strategik MQA 2021-2025 serta Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dalam merealisasikan hasrat untuk menerbitkan dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025. Harapan saya agar perancangan strategik ini akan dapat meningkatkan kualiti sistem penyampaian MQA kepada pihak berkepentingan, meletakkan MQA sebagai sebuah agensi yang berkredibiliti dan seterusnya memartabatkan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara serta menjadi rujukan dan tanda aras kepada badan jaminan kualiti pada peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

"Pendidikan Tinggi Berkualiti Global"

**PROFESOR DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN**
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik MQA 2021-2025 merupakan kesinambungan, peningkatan dan pemantapan terhadap Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 (2016-2020). Dokumen ini merupakan rujukan utama hala tuju strategik MQA bagi tempoh lima tahun akan datang. Penerbitan dokumen ini merupakan tekad dan komitmen MQA dalam memastikan program dan petunjuk prestasi utama (Key Performance Indicator, KPI) yang disasarkan bagi tempoh tersebut dapat dilaksanakan dan seterusnya dicapai seperti yang dirancang. Ia dibangunkan dengan membawa konsep *Future of Education and Talent in the Era of Fourth Industrial Revolution and Society 5.0* yang memberikan penekanan terhadap landskap pendidikan tinggi masa hadapan dalam pembangunan bakat.

Hala tuju strategik lima tahun MQA dirumuskan dalam empat teras strategik seperti berikut:

**TERAS STRATEGIK 1**
**Ekosistem Pendidikan Fleksibel**

Merupakan inovasi terhadap sistem dan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dalam melahirkan bakat yang berdaya saing menghadapi cabaran masa hadapan.

**TERAS STRATEGIK 2**
**Ketersediaan Bakat Industri**

Memberi tumpuan kepada memperkukuh kerangka kualiti yang menyokong sinergi pelbagai pihak dalam penawaran program pengajian bagi memenuhi keperluan industri semasa dan akan datang serta memastikan kebolehpasaran graduan.

**TERAS STRATEGIK 3**
**Penyampaian Efektif Disokong Kemampanan Sumber**

Merupakan suatu tekad untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan adalah berintegriti, efektif dan efisien menerusi jalinan kerjasama yang erat dengan semua pihak berkepentingan. Ia disokong oleh kemampanan sumber yang meliputi kewangan, bakat, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta infrastruktur.

**TERAS STRATEGIK 4**
**Rujukan Antarabangsa**

Merupakan suatu jaminan bahawa sistem jaminan kualiti program dan kelayakan yang dilaksanakan menjadi tanda aras dan menyumbang kepada amalan baik jaminan kualiti dan pengiktirafan kelayakan pada peringkat global.

# KERANGKA PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025

## AGENDA PEMBANGUNAN NASIONAL DAN ANTARABANGSA

- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
- Rancangan Malaysia Kedua Belas
- Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara
- Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
- Majlis TVET Negara (MTVET)
- Perancangan Strategik KPT
- Dasar-Dasar Pendidikan Tinggi Negara
- *Sustainable Development Goals 2030*

## VISI

Menjadi Agensi Berautoriti Global dalam Kelayakan dan Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi

## MISI

Memperkasa Sistem Kelayakan Kebangsaan dan Jaminan Kualiti Yang Diiktiraf serta Menjadi Rujukan Utama di Peringkat Antarabangsa

## ASPIRASI

Pendidikan Tinggi Berkualiti Global

## NILAI TERAS

**3R**
*Relevant, Referred, Respected*

**2A**
Akademik, Akhlak

## TERAS STRATEGIK (TS)

| TS 1 | TS 2 | TS 3 | TS 4 |
|---|---|---|---|
| **Ekosistem Pendidikan Fleksibel** | **Ketersediaan Bakat Industri** | **Penyampaian Efektif Disokong Kemampanan Sumber** | **Rujukan Antarabangsa** |

## STRATEGI

| TS 1 | TS 2 | TS 3 | TS 4 |
|---|---|---|---|
| 3 | 2 | 5 | 2 |

## TADBIR URUS

- Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)
- Kementerian dan Agensi yang Berkaitan
- Badan Profesional, Pelajar, Ibu Bapa, Majikan dan Industri
- Agensi Pembiayaan Pendidikan
- Badan Jaminan Kualiti Luar Negara

# RINGKASAN TERAS STRATEGIK DAN STRATEGI

## TERAS STRATEGIK 1

### EKOSISTEM PENDIDIKAN FLEKSIBEL

**STRATEGI 1.1**
Memperkasa dan Mengiktiraf Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu

**STRATEGI 1.2**
Merekayasa Standard dan Tanda Aras Kualiti yang Dinamik dan Sejahtera

**STRATEGI 1.3**
Memperkasa Kajian dan Penerbitan Pembelajaran Masa Hadapan (*Future Learning*)

## TERAS STRATEGIK 2

### KETERSEDIAAN BAKAT INDUSTRI

**STRATEGI 2.1**
Memperkukuhkan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET

**STRATEGI 2.2**
Mempelbagaikan Pendekatan *Skilling, Reskilling* dan *Upskilling*

## TERAS STRATEGIK 3

### PENYAMPAIAN EFEKTIF DISOKONG KEMAMPANAN SUMBER

**STRATEGI 3.1**
Mempertingkatkan Pembangunan Kapasiti, Kompetensi dan Libat Urus Pihak Berkepentingan dalam Proses Jaminan Kualiti

**STRATEGI 3.2**
Mempertingkat Automasi Proses dan Integrasi Sistem

**STRATEGI 3.3**
Memperkukuh Kemampuan Kewangan

**STRATEGI 3.4**
Memantapkan Infrastruktur yang Kondusif

**STRATEGI 3.5**
Membangunkan Bakat Melalui Pemerkasaan Kompetensi, Profesionalisme dan Integriti

## TERAS STRATEGIK 4

### RUJUKAN ANTARABANGSA

**STRATEGI 4.1**
Menjadi Tanda Aras Rujukan Sistem Jaminan Kualiti dan Kelayakan di Peringkat Antarabangsa

**STRATEGI 4.2**
Menjadi Pusat Rujukan Pengiktirafan Kelayakan




# PENGENALAN KEPADA MQA

# PENGENALAN KEPADA MQA

## LATAR BELAKANG

Jaminan kualiti di Malaysia bermula dengan penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) pada tahun 1997. Ia berfungsi bagi memastikan program ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS) adalah berkualiti. Pada 21 Disember 2005, kerajaan telah memutuskan untuk menggabungkan LAN dan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi (BJK, KPT) menjadi sebuah entiti baharu yang dikenali sebagai Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). Dengan penubuhan MQA pada 1 November 2007 di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679), MQA diberi mandat kerajaan Malaysia untuk melaksanakan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara bagi sektor awam dan swasta.

Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi serta titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. MQA juga berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

Melalui penubuhan MQA dan pelaksanaan MQF dapat memartabatkan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara yang kompetitif di persada antarabangsa.



## FUNGSI

1. Melaksanakan MQF sebagai titik rujukan kelayakan Malaysia
2. Membangunkan kriteria dan standard sebagai rujukan kebangsaan bagi penganugerahan kelayakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan
3. Menjamin kualiti institusi-institusi pengajian tinggi dan program-program
4. Memberikan perakuan akreditasi kepada program-program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan
5. Memudah cara pengiktirafan dan penyetaraan kelayakan
6. Mengendalikan Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR)

## VISI, MISI DAN OBJEKTIF

### VISI

Menjadi Agensi Berautoriti Global Dalam Kelayakan dan Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi

### MISI

Memperkasa Sistem Kelayakan Kebangsaan dan Jaminan Kualiti Yang Diiktiraf Serta Menjadi Rujukan Utama di Peringkat Antarabangsa

### OBJEKTIF

- Memperkukuhkan ekosistem jaminan kualiti pendidikan tinggi yang harmoni, efisien dan telus
- Membudayakan sistem penyampaian yang efektif
- Menyediakan landasan graduan holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerjaya
- Menerajui pendidikan fleksibel berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat
- Memperluas pengiktirafan global

## MATLAMAT TERAS

**MATLAMAT TERAS**

1. Melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
2. Membangunkan standard
3. Mengakredit program
4. Menyelenggara Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)

## NILAI TERAS

### 3R

» ***Relevant***
» ***Referred***
» ***Respected***

### 2A

» **Akademik**
» **Akhlak**

# CARTA ORGANISASI




UNIT INTEGRITI DAN PENGUATKUASAAN
UNIT KEURUSETIAAN
SEKTOR PENGURUSAN
BAHAGIAN AKREDITASI (KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI)
BAHAGIAN AKREDITASI (SASTERA & KEMANUSIAAN)
BAHAGIAN PENTADBIRAN
BAHAGIAN KEWANGAN
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PERKHIDMATAN MQA

| PIHAK BERKEPENTINGAN | KEPERLUAN |
| --- | --- |
| Pemberi Pendidikan Tinggi | • Proses jaminan kualiti yang memenuhi tempoh piagam yang ditetapkan |
| Pelajar, ibu bapa, majikan & industri | • Maklumat status program atau kelayakan<br>• Program berkualiti (value for money) dan memenuhi keperluan industri<br>• Kebolehpasaran graduan |
| Kementerian & agensi yang berkaitan | • Status program atau kelayakan<br>• Dasar dan proses kerja MQA |
| Badan Profesional | • Jalinan kerjasama melalui pembentukan *Joint Technical Committee* (JTC) dan keselarasan proses jaminan kualiti |
| Badan jaminan kualiti luar negara | • Maklumat kesetaraan program atau kelayakan<br>• Dokumen jaminan kualiti |
| Agensi pembiayaan pendidikan | • Status kualiti program dan kelayakan masuk |

## PERKHIDMATAN

- Program Berkualiti
- Kelayakan yang Diakredit
- Akreditasi Program Profesional
- Sijil Akreditasi
- MQR
- Pendidikan Fleksibel
- Pembangunan Kepakaran
- Dokumen Jaminan Kualiti
- Nilai Taraf Kelayakan
- Latihan dan Khidmat Rundingan
- Jalinan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

# EKOSISTEM MQA




Punca Kuasa
Dokumen Jaminan Kualiti
Proses Jaminan Kualiti
Inisiatif Utama
Sistem/Portal
Pengiktirafan
Jalinan Kerjasama Antarabangsa
Jaringan Jaminan Kualiti

# JARINGAN KERJASAMA GLOBAL MQA




# JARINGAN KERJASAMA GLOBAL MQA




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| MY | Malaysia | KZ | Kazakhstan | DZ | Algeria |
| AE | Emiriah Arab Bersatu | PH | Filipina | EG | Mesir |
| AZ | Azerbaijan | PK | Pakistan | GM | Gambia |
| BH | Bahrain | SA | Arab Saudi | NA | Namibia |
| BN | Brunei Darussalam | SG | Singapura | SD | Sudan |
| CN | People's Republic of China | TH | Thailand | UG | Uganda |
| HK | Hong Kong | TL | Timor Leste | ZA | Afrika Selatan |
| ID | Indonesia | TR | Turkey | AU | Australia |
| IN | India | TRNC | Turkish Republic of Northern Cyprus | NZ | New Zealand |
| IR | Iran | TW | Taiwan | IE | Ireland |
| JP | Japan | US | Amerika Syarikat | UK | United Kingdom |




# TINJAUAN PRESTASI PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020

# TINJAUAN PRESTASI PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020

## PENCAPAIAN KESELURUHAN

Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 mempunyai tiga Teras Strategik iaitu Teras Strategik 1: Ekosistem Kondusif, Teras Strategik 2: Sistem Penyampaian yang Efektif dan Teras Strategik 3: Pengiktirafan Global. 10 siri pemantauan telah dilaksanakan dalam bentuk bengkel dan mesyuarat antara tahun 2018 hingga 2020. Daripada 110 program yang dirancangkan, 97 telah berjaya dilaksanakan dan 13 daripadanya digugurkan disebabkan elemen keutamaan di mana masa dan komitmen ditumpukan kepada beberapa program yang lebih berimpak tinggi.




## LAKARAN KECEMERLANGAN

Di bawah 10 Objektif Strategik yang digariskan, sebanyak 97 program telah dilaksanakan sehingga tahun 2020. Daripada keseluruhan program yang dilaksanakan, 13 daripadanya disenaraikan sebagai signifikan dan berimpak tinggi dalam sistem penyampaian dan perkhidmatan MQA serta dalam sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara seperti berikut:




### MQF 2.0

- Kerangka Kelayakan Malaysia Edisi Kedua (Malaysian Qualifications Framework Second Edition, MQF 2.0) dimuktamadkan dengan pengeluaran pekeliling MQA Bil. 2/2018: Pemakaian Kerangka Kelayakan Malaysia bertarikh 20 Mac 2018.
- 13 dokumen kualiti berjaya dijajarkan dengan MQF 2.0 dan Standard *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) sehingga penghujung 2020.
- Semua program telah dinilai berdasarkan MQF 2.0 mulai 1 April 2019.




### COPPA 2.0

- Kod Amalan Akreditasi Program Edisi Kedua (Code of Practice for Programme Accreditation Second Edition, COPPA 2.0) dikuat kuasa melalui Pekeliling MQA Bil. 5/2017: Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program Edisi Kedua bertarikh 23 November 2017 dan terpakai bermula 1 April 2018.
- Merupakan rujukan dan kod induk kepada PPT dalam penyediaan dokumen permohonan akreditasi.




## COPPA: ODL

- Pemakaian Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning, COPPA: ODL) bagi tujuan penilaian dan panduan kepada PPT dalam melaksanakan amalan berkaitan *Open and Distance Learning* (ODL) memperkukuhkan kaedah penyampaian program yang merevolusi landskap pengajian tinggi.

## *Single QA System for TVET*

- Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET (Single Quality Assurance System for TVET) dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019.
- Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh 13 ahli yang terdiri daripada MQA, JPK, KPT, KSM, KPLB, KBS, EPU dan pakar industri.




## COPTPA 2.0

- Pemakaian *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) Edisi 1 berkuat kuasa 1 Februari 2020 dan COPTPA Edisi 2 berkuat kuasa 1 Januari 2021.
- Pendaftaran dan penyenaraian Occupational/Industry Standard and Practices (OISP) telah dibuka kepada peneraju industri utama (Industry Lead Bodies, ILB) yang berminat.




## GGP: *Micro-credentials*

- *Micro-credentials* membenarkan program ditawarkan secara pecahan yang lebih kecil dan berbeza daripada penawaran secara konvensional.
- Surat Makluman MQA Bil. 8/2020 bertarikh 10 Ogos 2020 telah dimuat naik di portal MQA untuk rujukan dan makluman pihak berkepentingan.

## APEL.A

- GGP: APEL diperkenalkan pada tahun 2009 bagi tujuan akses ke program pendidikan tinggi. Pelaksanaan APEL.A bermula:
  - Tahap 6: September 2011
  - Tahap 3 dan Tahap 4: Februari 2013
  - Tahap 7: Februari 2014
- Permohonan APEL.A mula meningkat bermula 2016 hingga sekarang.

## APEL.C

- Pelancaran Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award, APEL.C) pada 27 September 2016 membenarkan penganugerahan kredit berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu.




## APEL.Q

- Pembangunan *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Academic Qualifications* (GGP: APEL.Q) bertujuan menyediakan platform penganugerahan kelayakan akademik secara formal, tidak formal dan bukan formal.
- Penguatkuasaan pelaksanaan GGP: APEL.Q melalui pengeluaran Pekeliling MQA Bil.5/2020 bertarikh 24 Disember 2020 (tarikh kuat kuasa 1 Julai 2021).




## Garis Panduan Pindah Kredit MOOC

- Dilancarkan melalui pengeluaran Pekeliling MQA Bil. 5/2016: Garis Panduan Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC) bertarikh 27 September 2016.
- Pindah kredit MOOC adalah proses pemetaan, perbandingan dan penilaian MOOC yang telah diambil oleh pelajar dengan kursus yang akan dipindah kredit.



## Proses Baharu Akreditasi

- Tempoh piagam pelanggan berjaya dipendekkan daripada tiga bulan tiga minggu kepada sembilan minggu bagi permohonan akreditasi sementara dan tujuh bulan kepada sembilan minggu bagi permohonan akreditasi penuh melalui pelaksanaan proses kerja baharu akreditasi yang diperkenalkan pada 1 Julai 2019.



## *Dashboard*

- MQA berjaya membangunkan sistem *dashboard* yang bertujuan memantau proses penilaian program akreditasi dan proses yang berkaitan dengan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.




## AQRF

- MQF telah berjaya ditanda aras dengan *ASEAN Qualifications References Framework* (AQRF) melalui Mesyuarat Jawatankuasa AQRF bertarikh 23 Mei 2019.
- Pencapaian ini memudah cara pengiktirafan Malaysia serta meningkatkan mobiliti pelajar dan graduan daripada sistem yang diiktiraf berkualiti di peringkat ASEAN.




# PROSES PEMBANGUNAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021–2025

# PROSES PEMBANGUNAN PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021–2025

## PROSES PENYEDIAAN

Perancangan Strategik MQA 2021-2025 dibangunkan secara kolaboratif yang melibatkan tiga fasa utama termasuk beberapa siri libat urus bersama pihak berkepentingan, bengkel dan perbincangan dalaman yang dipandu oleh Jawatankuasa Pembangunan Perancangan Strategik MQA 2021-2025.

### FASA 1

**KAJIAN SEMULA PERANCANGAN STRATEGIK MQA MENUJU 2020 DAN PENETAPAN HALA TUJU PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025**

**Ogos 2019**
- Sesi Perkongsian Pengetahuan dan bengkel dalaman MQA meliputi skop *Future of Education and Talent in the Era of IR 4.0* dan *Society 5.0* (5-6 Ogos 2019)

**Sept 2019**
- Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Perancangan Strategik MQA 2021-2025 yang melibatkan *Thought Leaders* dalam kalangan Ahli Majlis MQA

**Nov 2019**
- Bengkel *Gap Analysis* Perancangan Strategik MQA Menuju 2020 (12 November 2019)

### FASA 2

**PEMBANGUNAN DOKUMEN DAN SESI INTERAKSI BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN**

**Dis 2019 - Jan 2020**
- *Quadruple helix online engagement* (18 Dis 2019 - 30 Jan 2020)

**Feb - Okt 2020**
- Bengkel Penulisan dan Pemurnian Perancangan Strategik MQA 2021-2025 Siri 1 (9 Mac 2020), Siri 2 (Jun-Ogos 2020) dan Siri 3 (2 Okt 2020)
- Soal Selidik Kumpulan Fokus Pihak Berkepentingan (24 Apr - 4 Jun 2020)

### FASA 3

**PEMUKTAMADAN DOKUMEN PERANCANGAN STRATEGIK MQA 2021-2025**

**Okt 2020 - Feb 2022**
- Pemurnian draf dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025
- Pembentangan kepada Pengurusan Tertinggi MQA

**Mac - Apr 2021**
- Pemuktamadan dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025
- Penjajaran dokumen PS dengan RMKe-12

**Apr - Dis 2021**
- Libat urus bersama *Thought Leaders* (15 dan 16 April 2021)
- Pembentangan Pra Majlis (6 Mei, 21 Mei dan 18 Jun 2021)
- Pembentangan di Mesyuarat Majlis MQA (24 Jun dan 7 September 2021)
- Penerbitan dokumen Perancangan Strategik MQA 2021-2025

## KERANGKA PEMBENTUKAN PELAN TINDAKAN

Perancangan Strategik MQA 2021-2025 dibangunkan secara inklusif dan komprehensif melalui analisis pencapaian perancangan strategik terdahulu, penjajaran konstruktif dengan agenda pembangunan nasional dan antarabangsa, libat urus dengan pihak berkepentingan, analisis SWOT dan mengenal pasti isu dan cabaran semasa serta penerapan konsep pembelajaran abad ke-21 yang membawa kepada pembentukan pelan tindakan.



Analisis pencapaian Perancangan Strategik MQA Menuju 2020



Penjajaran Perancangan Strategik MQA 2021-2025 dengan agenda pembangunan nasional dan antarabangsa



Libat urus dengan pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas



Analisis SWOT serta mengenal pasti isu dan cabaran semasa



Penerapan konsep pembelajaran abad ke-21 dan penetapan hala tuju strategik



Pembentukan pelan tindakan melalui beberapa siri bengkel dalaman

## PENJAJARAN DENGAN AGENDA PEMBANGUNAN NASIONAL DAN ANTARABANGSA

Perancangan Strategik MQA 2021–2025 ini dirangka dan dihasilkan berlandaskan kepada agenda pembangunan nasional dan antarabangsa yang mengambil kira dasar serta strategi utama sedia ada yang berkaitan dengan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara. Penjajaran ini adalah penting bagi memastikan inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh MQA selaras dengan inisiatif utama yang digariskan dalam rangka tindakan utama pembangunan negara dan antarabangsa.



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)



Wawasan Kemakmuran Bersama 2030



Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)



Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara



Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia



Majlis TVET Negara (MTVET)



Perancangan Strategik KPT



*Sustainable Development Goals 2030*

## 1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan yang bertujuan untuk mentransformasikan sistem pendidikan tinggi. Empat lonjakan yang pertama tertumpu pada keberhasilan bakat dalam sistem pendidikan tinggi, termasuk pelajar di kedua-dua laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan juga semua warga Malaysia yang mengambil bahagian dalam pembelajaran sepanjang hayat. Bakat utama ini secara kolektif mewakili cita-cita "bakat terpelajar yang dipacu nilai". Enam lonjakan yang lain tertumpu kepada pemangkin ekosistem pendidikan tinggi yang merangkumi komponen kritikal pendidikan tinggi seperti pendanaan, inovasi, tadbir urus, pembelajaran dalam talian, keunggulan global dan penyampaian.

MQA sedang dan akan meneruskan projek-projek yang menyokong:

i. Kerangka Kelayakan Malaysia Edisi Kedua (Malaysian Qualifications Framework, MQF 2.0)
ii. Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET
iii. Pengiktirafan Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL)
iv. Garis Panduan Pindah Kredit MOOC
*v. Micro-credentials*
vi. Proses Baharu Akreditasi




**10 Lonjakan disenaraikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)**

Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

## 2. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) sebagai hala tuju baharu negara telah diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 18 Oktober 2018 semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11. WKB merupakan sebuah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

WKB memberi tumpuan secara khusus terhadap bidang pendidikan melalui Teras Strategik 3: Transformasi Modal Insan yang antaranya memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pendidikan dan latihan serta pengukuhan kerjasama antara penyedia latihan, pihak industri dan badan profesional. Perkara ini dimantapkan lagi dengan penetapan pemboleh daya: Pendidikan dan TVET iaitu peningkatan tenaga kerja berkemahiran dan berpendidikan tinggi, masyarakat peribelajar dan pendidikan berasaskan keberhasilan.

Prinsip 8: Masyarakat Peribelajar memberi maksud masyarakat yang berpengetahuan dan sentiasa mementingkan pembelajaran sepanjang hayat. Ia turut memberi tumpuan kepada keberhasilan antaranya pembangunan generasi pekerja berkemahiran tinggi berdasarkan keperluan industri masa hadapan. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, MQA akan menggiatkan penawaran program berteknologi tinggi (high-tech) termasuk kemahiran teknikal berkaitan 4IR dengan kerjasama pihak berkepentingan bagi mengukuhkan kerangka kualiti *skilling, reskilling* dan *upskilling* dalam ekosistem MQF.

Selain itu, MQA dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia telah mengambil inisiatif mengharmonikan sistem jaminan kualiti aliran akademik dan aliran TVET sebagai Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET. Pengharmonian sistem ini bertujuan untuk menyelaraskan dua sistem jaminan kualiti yang berbeza kepada satu sistem jaminan kualiti tunggal yang akan diguna pakai oleh semua penyedia TVET di Malaysia.

Melalui pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET berdasarkan dokumen COPTPA dijangka dapat merapatkan jurang pembelajaran serta memudah cara artikulasi dan mobiliti antara sektor akademik dan TVET.

Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat melalui pembelajaran berterusan, wacana intelektual, dialog dan kesedaran bagi meningkatkan pengetahuan, perkongsian pengalaman dan empati

Masyarakat peribelajar memberi maksud masyarakat yang berpengetahuan dan sentiasa mementingkan pembelajaran sepanjang hayat. Ia turut memberi tumpuan kepada keberhasilan antaranya pembangunan generasi pekerja berkemahiran tinggi berdasarkan keperluan industri masa hadapan




Memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pendidikan dan latihan serta pengukuhan kerjasama antara penyedia latihan, pihak industri dan badan profesional

Pemboleh Daya

Teras Strategik

Prinsip Panduan

Objektif

Peningkatan tenaga kerja berkemahiran dan berpendidikan tinggi, masyarakat peribelajar dan pendidikan berasaskan keberhasilan

**Kerangka Kerja Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**

Sumber: Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

## 3. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Objektif Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) adalah agar Malaysia mencapai status negara yang makmur, inklusif dan mampan sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030. RMKe-12 adalah bertunjangkan tiga tema yang menumpukan kepada usaha menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan. Teras ini disokong oleh empat pemangkin dasar yang menumpukan kepada usaha membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam bagi mencapai negara yang lebih makmur, inklusif dan mampan.

Di bawah pemangkin dasar pembangunan bakat masa hadapan, penekanan akan diberikan kepada pemantapan program TVET melalui kerjasama industri, galakan sistem pendidikan tinggi yang fleksibel dan pengukuhan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Bagi menyokong hasrat ini, MQA akan memperkukuhkan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET dan memperkasakan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu.

Di bawah RMKe-12 ini, peningkatan kualiti perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi turut diberi penekanan. Transformasi perkhidmatan awam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan akan menjadi pemacu perubahan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan serta memanfaatkan sumber sedia ada secara optimum. Selaras dengan hasrat ini, MQA sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pihak keberkepentingan adalah berintegriti, efektif dan efisien.




**Strategi di bawah Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)**

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

## 4. Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara

Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara merupakan dasar negara yang menyeluruh untuk memacu usaha bersepadu dalam mentransformasi pembangunan sosioekonomi negara melalui penggunaan teknologi 4IR yang beretika. Ia menyokong dasar-dasar pembangunan negara seperti RMKe-12 dan WKB 2030. Ia juga melengkapi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dalam mendorong pembangunan ekonomi digital. Dasar ini menggariskan bidang fokus utama yang memberi kesan kepada rakyat, perniagaan dan kerajaan, bagi memanfaatkan peluang pertumbuhan dan menangani risiko yang wujud daripada 4IR. Bagi menyokong aspirasi ini, MQA akan mempelbagaikan pendekatan *skilling*, *upskilling* dan *reskilling* bagi mempersiapkan bakat untuk mendapat kelayakan pengiktirafan atau pendidikan baharu dalam bidang yang sama atau bidang kepakaran yang berbeza selaras dengan peredaran masa dan teknologi.

### OBJEKTIF

- Memanfaatkan peluang pertumbuhan yang diwujudkan oleh 4IR
- Mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk mendepani cabaran 4IR
- Membina kepercayaan dalam masyarakat digital yang kondusif

### 4 TERAS DASAR

- Mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan 4IR
- Membina negara yang mempunyai ketersambungan melalui pembangunan infrastruktur digital
- Menyediakan peraturan yang sesuai dengan keperluan masa hadapan supaya fleksibel mengikut perubahan teknologi
- Mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi 4IR

| | |
|---|---|
| **Strategi 1** | Meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja sedia ada yang dipacu oleh industri bagi menguasai 4IR |
| **Strategi 2** | Memadankan bakat sedia ada dengan keperluan ekonomi masa hadapan |
| **Strategi 3** | Melengkapkan tenaga kerja masa hadapan dengan set kemahiran 4IR |
| **Strategi 8** | Menambah baik infrastruktur digital sektor awam |
| **Strategi 16** | Mengutamakan penggunaan 4IR dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar, pengawalseliaan serta penyampaian perkhidmatan |

**Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara**

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

## 5. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (Malaysia Digital Economy Blueprint)

Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dirangka untuk menyediakan hala tuju, menggariskan strategi dan inisiatif serta menetapkan sasaran sehingga tahun 2030 bagi membina asas dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital serta merapatkan jurang digital. Enam Teras Strategik telah dikenal pasti, iaitu memacu transformasi digital sektor awam, meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan, membina infrastruktur digital yang menyokong, membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten, mewujudkan masyarakat digital yang inklusif serta membina persekitaran digital yang dipercayai selamat dan beretika. Teras ini disokong oleh 22 strategi, 48 inisiatif nasional dan 28 inisiatif peringkat sektor. Bagi menyokong hasrat ini, MQA akan mempertingkatkan automasi proses dan integriti sistem dalam maklumat MQA bagi meningkatkan kecekapan, memudahkan dan mempercepatkan perkhidmatan sekaligus dapat memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

| T1<br>Memacu transformasi digital sektor awam | T2<br>Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan | T3<br>Membina infrastruktur digital yang menyokong | T4<br>Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten | T5<br>Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif | T6<br>Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika |
|---|---|---|---|---|---|
| **S1:** Mengurus perubahan untuk beralih kepada digital secara berkesan | **S1:** Memudah cara penerimagunaan digital akses dan penggunaan ’ teknologi digital yang berkesan merentas saiz firma dan tahap kematangan digital | **S1:** Menggunakan langkah kawal selia untuk memperluas liputan infrastruktur | **S1: Mengintegrasikan kemahiran digital dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah** | **S1:** Meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia yang inklusif dalam aktiviti digital | **S1:** Memperkukuh keselamatan dan etika dalam aktiviti digital dan urus niaga |
| **S2: Memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti** | **S2:** Mempercepat pembangunan industri dengan meningkatkan penyertaan tempatan | **S2:** Memanfaatkan pendigitalan untuk menangani cabaran yang telah lama dihadapi | **S2: Mengalih tumpuan pendidikan vokasional dan tertiari daripada kemahiran khusus berkaitan kerja kepada kompetensi dan kebolehsuaian** | **S2:** Memperkasa kumpulan sasar khusus dalam masyarakat untuk turut serta dalam ekonomi digital melalui aktiviti keusahawanan | **S2:** Meningkatkan komitmen institusi terhadap perlindungan dan kerahsiaan data peribadi |
| **S3:** Meningkatkan set kemahiran digital penjawat awam | **S3:** Memperkemas kawal selia bagi bertindak balas terhadap keperluan ekonomi digital dan menggalakkan model perniagaan inovatif | **S3: Meningkatkan keupayaan infrastruktur teknologi digital** | **S3: Melatih semula kemahiran tenaga kerja semasa dengan kemahiran digital yang diperlukan untuk kekal relevan** | | **S3:** Menambah baik pemindahan data rentas sempadan |
| **S4: Memanfaatkan data untuk menambah baik perkhidmatan kerajaan** | **S4:** Membangunkan kluster industri digital dan memacu aktiviti keusahawanan | | **S4:** Memastikan pekerja gig dilindungi dan dilengkapi dengan kemahiran yang bersesuaian | | **S4:** Meningkatkan pelaksanaan keselamatan siber dalam kalangan komuniti perniagaan |
| **S5:** Meningkatkan skop dan kualiti perkhidmatan dalam talian bagi menambah baik pengalaman pengguna | | | | | |

**Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia**

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

## 6. Majlis TVET Negara (MTVET)

Majlis TVET Negara (MTVET) ditubuhkan bagi menambah baik penyelarasan ekosistem TVET negara dalam usaha memastikan laluan TVET sebagai agenda nasional. Selain itu, penubuhan Majlis TVET Negara akan mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengurangkan pertindihan penawaran program serta menyelaraskan dan menyepadu pelbagai sistem tadbir urus TVET. Tiga teras strategik digariskan bagi memperkasa TVET sebagai agenda negara iaitu tadbir urus bersepadu dan terselaras, TVET dipacu industri dan TVET mencorak masa hadapan. Selain itu, enam inisiatif utama telah dikemukakan sebagai hala tuju agenda pemerkasaan TVET iaitu merangka model pembiayaan mampan, membangun polisi untuk menggalakkan penyertaan industri, mewujudkan Pelan Penjenamaan TVET Nasional, menubuhkan Hab Kerjasama TVET, mewujudkan polisi penyelarasan penawaran program TVET dan membangunkan Data Raya TVET. Kesemua teras strategik dan insiatif utama ini selaras dengan inisiatif MQA untuk memperkukuhkan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET.

### Tiga (3) Teras Strategik MTVET

- Tadbir urus bersepadu dan terselaras
- TVET dipacu industri
- TVET mencorak masa depan

### Enam (6) Inisiatif Utama MTVET

- Inisiatif 1: Merangka model pembiayaan mampan
- Inisiatif 2: Membangun polisi untuk menggalakkan penyertaan industri
- Inisiatif 3: Mewujudkan Pelan Penjenamaan TVET Nasional
- Inisiatif 4: Menubuhkan Hab Kerjasama TVET
- Inisiatif 5: Mewujudkan polisi penyelarasan penawaran program TVET
- Inisiatif 6: Membangunkan Data Raya TVET

**Teras Strategik dan Inisiatif Utama MTVET**

Sumber: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

## 7. Perancangan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah membangunkan perancangan strategik dengan mengkaji semula program, produk dan perkhidmatan dalam usaha menaikkan sektor pengajian tinggi ke tahap yang lebih baik. Ia adalah penting bagi memastikan landskap pendidikan tinggi negara terus berkembang secara positif.




6 Fokus Strategik dan 8 Bidang Teras Kementerian Pengajian Tinggi

Sumber: Webinar Perancangan Strategik KPT

## 8. *Sustainable Development Goals* 2030

Matlamat Pembangunan Mampan atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDGs) merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh ketua-ketua negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDGs merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya *Millennium Development Goals* (MDGs) pada 2015. MDGs mempunyai lapan matlamat (goals) dan 21 sasaran (targets) manakala SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan tujuan mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan yang merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Dalam bidang pendidikan, penumpuan khusus diberikan melalui penetapan matlamat keempat iaitu SDG 4: *Quality Education* yang memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Dalam konteks pendidikan tinggi, antara sasarannya adalah memastikan akses saksama dalam bidang teknikal, vokasional dan pengajian tinggi serta meningkatkan peratusan belia dan golongan dewasa yang mempunyai kemahiran relevan termasuk kemahiran teknikal dan vokasional.

Agenda pembelajaran sepanjang hayat yang digariskan dalam SDG 4: *Quality Education* adalah selaras dengan inisiatif-inisiatif yang telah diterokai oleh MQA sejak 10 tahun yang lalu dengan pengenalan terhadap APEL yang mengiktiraf pengalaman pembelajaran terdahulu bagi tujuan akses ke pendidikan tinggi (APEL.A). Ia diteruskan dengan pelaksanaan APEL.C yang membenarkan pindah kredit dilaksanakan berdasarkan pengalaman dan terkini MQA telah berjaya membangunkan APEL.Q yang membenarkan penganugerahan kelayakan akademik berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu. MQA juga telah memperkenalkan pindah kredit MOOC dan *Micro-credential*s bagi menyemarakkan lagi agenda pembelajaran sepanjang hayat dan pendidikan fleksibel.

Di samping itu, pemakaian COPPA: ODL bagi tujuan penilaian dan panduan kepada PPT dalam melaksanakan amalan berkaitan ODL memperkukuhkan kaedah penyampaian program yang merevolusi landskap pengajian tinggi terutamanya di era pandemik ini di mana COPPA: ODL dimanfaatkan sepenuhnya. MQA dari semasa ke semasa akan meneroka inisiatif-inisiatif baharu bagi memantapkan dan memperkukuhkan lagi agenda pembelajaran sepanjang hayat dan pendidikan fleksibel.




**17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**

Sumber: https://sdgs.un.org/goals

## ANALISIS SWOT DAN CABARAN SEMASA

Analisis SWOT dan cabaran semasa adalah bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi memastikan perancangan strategik yang dibangunkan ini relevan dan memenuhi kehendak pihak berkepentingan.

**S**

### Kekuatan (Strengths)

- Akta MQA sebagai punca kuasa dan MQF sebagai rujukan utama
- Standard dan amalan baik jaminan kualiti setanding dengan standard dan amalan baik di peringkat antarabangsa
- Menyokong agenda pembangunan negara seperti RMKe-11, RMKe-12 dan PPPM(PT)
- Pengurusan program kualiti dalaman yang cekap (ISO)
- Jalinan kerjasama yang baik dengan pihak berkepentingan
- Penerimaan dan pengiktirafan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi Malaysia di peringkat global
- Sumber manusia yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang jaminan kualiti
- Penerapan dan penghayatan nilai teras yang baik
- Program pengurusan bakat dan latihan yang berterusan

**W**

### Kelemahan (Weaknesses)

- Proses kerja masih belum diautomasi sepenuhnya
- Peluang penjanaan pendapatan belum dioptimumkan
- Kekurangan pakar rujuk jaminan kualiti
- Kekurangan *Community of Practitioners* (CoP) bagi setiap sistem penyampaian yang diketengahkan
- Keterlibatan terhad dan tidak menyeluruh dalam aktiviti jaminan kualiti di peringkat global

**O**

### Peluang (Opportunities)

- Penggunaan teknologi digital (automasi proses kerja)
- Pendedahan kepada *technology enablers* seperti *IoT, Big Data, AI, Cybersecurity* dan lain-lain
- Kolaborasi bersama rakan strategik awam dan swasta seperti ASM, MOSTI, MIGHT dan lain-lain
- Peningkatan imej dan persepsi terhadap MQA
- Pengukuhan jaringan kerjasama antarabangsa

**T**

### Ancaman (Threats)

- Kehendak pelanggan yang pelbagai berkaitan dengan proses penilaian
- Persepsi negatif terhadap MQA
- Kadar pendigitalan yang rendah dan kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang kurang memuaskan

Pembelajaran abad ke-21 didefinisikan sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreatif serta mengaplikasi nilai murni dan etika. Globalisasi, teknologi dan pandemik telah mentransformasikan sektor pendidikan tinggi ke tahap yang berbeza. Selaras dengan perkembangan ini, kaedah pembelajaran konvensional perlu dipelbagaikan bagi melahirkan bakat yang kompeten dan memenuhi keperluan industri.



## Cabaran Pelaksanaan Operasi MQA

| Perkara | Cadangan Penyelesaian |
| --- | --- |
| Penekanan terhadap pelaksanaan TVET | Pengukuhan proses penilaian dan meningkatkan promosi berkaitan TVET |
| Galakan aktiviti kajian/penyelidikan<br>• Kurang penglibatan penyelidikan bersama PPT dan pihak berkepentingan lain<br>• Kurang penglibatan oleh penyelidik luar dari kalangan industri dan PPT bagi menjalankan penyelidikan berkaitan jaminan kualiti. Hasil kajian dapat digunakan bagi membangun atau menambah baik polisi dan proses kerja | • Pengukuhan pelaksanaan kajian/ penyelidikan berkaitan jaminan kualiti<br>• Penglibatan pegawai MQA sebagai ahli kumpulan penyelidikan bersama pihak luar |
| *Visibility* di peringkat antarabangsa<br>• Pengiktirafan sistem jaminan kualiti melalui MoU/MoA<br>• Penglibatan dalam aktiviti jaminan kualiti sebagai *keynote speaker/ presenter*<br>• Kertas kajian berimpak tinggi dari aspek jaminan kualiti<br>• Penganjuran dan penglibatan dalam jerayawara di peringkat antarabangsa<br>• Pertukaran pegawai | Pengukuhan peranan dan penglibatan MQA di peringkat antarabangsa melalui aktiviti-aktiviti yang disenaraikan |
| Penilaian secara dalam talian<br>• Melaksanakan permohonan dan pendaftaran program secara dalam talian yang dapat mengurangkan bebanan di pihak MQA dan PPT<br>• Proses penilaian secara maya perlu diteliti bagi memenuhi keperluan dan kehendak pihak berkepentingan | • Melaksanakan permohonan dan penilaian akreditasi secara dalam talian<br>• Pelaksanaan audit secara MQAVA yang sedang dilaksanakan akan diteliti semula pelaksanaannya dari semasa ke semasa |
| Prestasi Ahli Panel Penilai (APP)<br>• APP dan pegawai menyelaraskan maklum balas dan laporan penilaian agar selari dengan COPPA dan COPIA sebelum dikemukakan kepada PPT<br>• Program pembangunan kompetensi APP bagi meningkatkan kemahiran audit dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan<br>• Mempelbagaikan APP daripada institusi awam dan swasta | • Peningkatan latihan jaminan kualiti untuk APP<br>• Mempelbagaikan APP daripada IPT swasta dan sektor industri |
| Pembangunan program multidisiplin<br>• Penyediaan garis panduan pembangunan program multidisiplin yang melibatkan beberapa standard program bagi mempersiapkan graduan untuk memenuhi pasaran kerja masa hadapan | • Pengukuhan kepada pelaksanaan program *hybrid, double major, dual degree* dan lain-lain<br>• Pengukuhan konsep *plug and play* dan *jukebox curriculum* |

## Cabaran Bakat Masa Hadapan

| Perkara | Cadangan Penyelesaian |
|---|---|
| APEL<br>• Memberi peluang kepada semua golongan termasuk B40 dan orang kurang upaya (OKU) bagi mendapat akses kepada pendidikan tinggi<br>• Pihak MQA perlu membuka peluang APEL kepada pelajar antarabangsa dan mengiktiraf sistem atau kaedah *Recognition of Prior Learning* daripada universiti-universiti luar negara | Memperluaskan APEL kepada golongan OKU dan B40 serta pelajar antarabangsa |
| Kompetensi pelajar<br>• Peningkatan kemahiran pelajar bagi menghadapi keperluan tenaga kerja masa hadapan dan memenuhi keperluan industri | Menyediakan peluang pembelajaran melalui pelaksanaan *upskilling* dan *reskilling, multiple credentials, forward school, micro-credentials* dan lain-lain |

## Cabaran Pemberi Pendidikan Tinggi

| Perkara | Cadangan Penyelesaian |
|---|---|
| Kurikulum<br>• Struktur kurikulum perlu diolah mengikut peredaran masa dan selari dengan perkembangan teknologi dan kehendak industri serta tidak terlalu *rigid*<br>• Menyediakan penawaran program yang berimpak dan bercirikan teknologi tinggi | Menggalakkan penawaran program berteknologi tinggi selaras dengan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) dan kolaborasi pihak berkepentingan |
| Kurikulum berasaskan industri<br>• Penawaran program melalui laluan berasaskan kemahiran. Kandungan disampaikan secara praktikal dengan kolaborasi pihak industri | Pengukuhan OISP dan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET |
| Penerapan nilai dalam kurikulum<br>• Kurikulum program perlu selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan<br>• Menerapkan pelajar dengan budaya berfikiran lebih kreatif, kritis, mahir berkomunikasi, memiliki akhlak murni serta beretika | • Pembangunan dan kajian semula standard program yang mengambil kira perkara-perkara berkaitan dan tertakluk kepada dasar-dasar semasa<br>• Penawaran program yang menyokong kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan termasuk kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) |
| Staf akademik<br>• Kelonggaran kepada staf akademik yang mempunyai pengalaman industri tanpa kelayakan akademik untuk mengajar<br>• Staf akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi tinggi seperti *Blockchain, Cybersecurity* dan lain-lain | Pembangunan dan kajian semula standard program yang mengambil kira perkara-perkara berkaitan staf akademik |

## Cabaran Badan Profesional

| Perkara | Cadangan Penyelesaian |
| --- | --- |
| • Ruang untuk meningkatkan integriti, profesionalisme dan kecekapan dalam proses audit sedia ada terutamanya yang melibatkan badan profesional<br>• Mengimbangi peranan badan profesional dalam menentukan keputusan penilaian | Meningkatkan libat urus proses akreditasi bersama badan profesional |




# TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

# TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

## RUMUSAN PELAN TINDAKAN

| TERAS STRATEGIK 1 | TERAS STRATEGIK 2 | TERAS STRATEGIK 3 | TERAS STRATEGIK 4 |
|---|---|---|---|
| EKOSISTEM PENDIDIKAN FLEKSIBEL | KETERSEDIAAN BAKAT INDUSTRI | PENYAMPAIAN EFEKTIF DISOKONG KEMAMPANAN SUMBER | RUJUKAN ANTARABANGSA |
| 3 Strategi | 2 Strategi | 5 Strategi | 2 Strategi |
| 8 Program | 7 Program | 15 Program | 5 Program |
| 17 KPI | 11 KPI | 26 KPI | 12 KPI |

**4** TERAS STRATEGIK **12** STRATEGI **35** PROGRAM **66** KPI

# TERAS STRATEGIK 1

## EKOSISTEM PENDIDIKAN FLEKSIBEL

Tuntutan masyarakat untuk mengiktiraf ilmu yang diperoleh melalui kaedah bukan konvensional; tuntutan pelajar terhadap kebebasan mengikuti program pendidikan tinggi berdasarkan keperluan masing-masing; dan permintaan pihak industri terhadap tenaga kerja yang mempunyai kemahiran abad ke-21 berteraskan teknologi terkini; telah membawa kepada perubahan paradigma dan landskap pendidikan tinggi. Pendidikan tinggi yang konvensional dan statik dilihat tidak lagi mencukupi untuk mengimbangi arus perubahan semasa dan masa hadapan.

Sehubungan itu, bagi memastikan pendidikan tinggi kekal relevan dan mampan, adalah penting untuk MQA memperkemas kerangka kualiti yang menyokong ekosistem pendidikan tinggi yang dinamik, fleksibel dan bersifat terbuka. Justeru itu, tiga objektif utama yang dikenalpasti sebagai pemangkin utama keberhasilan di bawah Teras 1. Objektif utama tersebut adalah memperkasa pelaksanaan dan pengiktirafan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning, APEL); merekayasa standard dan tanda aras kualiti yang dinamik; serta pemerkasaan kajian dan penerbitan berkaitan *future learning*.

Aktiviti-aktiviti yang diusahakan bertemakan tiga objektif utama ini dijangka akan merancakkan lagi perubahan landskap pendidikan tinggi negara agar lebih fleksibel dan mampu melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran abad ke-21.

## STRATEGI 1.1: MEMPERKASA DAN MENGIKTIRAF PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU

Kepelbagaian pendidikan fleksibel akan menjadi keutamaan di abad ke-21. Ilmu pengetahuan bukan lagi hanya bersumberkan pendidikan formal malahan pendidikan tidak formal semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan tinggi.

Selaras dengan perkembangan tersebut, MQA telah memperkenalkan pelbagai bentuk proses pengiktirafan pembelajaran terdahulu. Perancangan Strategik MQA 2021–2025 ini akan memberi tumpuan untuk memperkasa dan mengiktiraf aktiviti pelaksanaan APEL termasuklah sistem yang menyokong pelaksanaannya secara berkesan. Inisiatif ini menyasarkan peningkatan penyertaan kumpulan pelajar OKU, B40 dan antarabangsa serta menambah baik pengiktirafan dan penerimaan graduan APEL dalam pelbagai bidang pasaran kerjaya.

## STRATEGI 1.1: MEMPERKASA DAN MENGIKTIRAF PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kepelbagaian pelaksanaan APEL | | | |
| | i. APEL.Q | 25 PPT APEL.Q | Pelaksanaan APEL.Q dipertingkat bagi memperluaskan akses kepada individu mendapatkan kelayakan berdasarkan pengalaman | 2021-2025 |
| | ii. APEL *Micro-credentials* (APEL.M) | 100% instrumen selesai dibangunkan<br><br>6 PPA yang mengguna pakai instrumen APEL.M | Pelaksanaan APEL.M membolehkan individu dari laluan *Micro-credentials* yang tidak mempunyai kelayakan masuk formal atau APEL.A untuk tujuan kemasukan ke program pengajian | 2021-2025 |
| 2. | Pengukuhan penerimaan graduan APEL dalam pasaran kerja | | | |
| | i. Penyediaan panduan lantikan tenaga pengajar daripada graduan APEL | 100% panduan selesai dibangunkan | Perluasan peluang kerjaya kepada graduan APEL | 2021-2022 |
| | ii. Penganjuran libat urus dengan badan profesional dan pihak berkuasa melantik | 2 libat urus dengan 24 badan professional<br><br>8 libat urus dengan pihak berkuasa melantik/majikan (awam dan swasta) | Penerimaan dan pengiktirafan oleh badan profesional dan pihak berkuasa melantik terhadap graduan APEL | 2022-2025 |

## STRATEGI 1.1: MEMPERKASA DAN MENGIKTIRAF PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Promosi dan galakan berterusan tentang pendidikan fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat | | | |
| | i. Pemudah cara penubuhan alumni APEL | Penubuhan alumni APEL dengan pendaftaran 1,000 lulusan APEL.A | Peningkatan keterlihatan (visibility) APEL melalui penyebarluasan kisah kejayaan (success story) lepasan APEL | 2021-2025 |
| | ii. Penyampaian anugerah kejayaan APEL bagi PPT atau graduan APEL | 4 acara | Pengiktirafan terhadap pencapaian APEL oleh PPT atau graduan APEL | 2022-2025 |
| | iii. Program promosi khas APEL bagi golongan OKU dan B40 | 2 libat urus dengan persatuan OKU dan promosi melibatkan golongan OKU dan B40 | Perluasan penyertaan golongan kurang bernasib baik (underserved) untuk memajukan diri dan meningkatkan taraf hidup melalui akses ke pengajian tinggi | 2022-2025 |
| | iv. Pengembangan penyertaan APEL di peringkat pelajar antarabangsa | 150 penyertaan | Perluasan penyertaan pelajar antarabangsa untuk meningkatkan akses ke pengajian tinggi | 2021-2025 |

## STRATEGI 1.2: MEREKAYASA STANDARD DAN TANDA ARAS KUALITI YANG DINAMIK

Sektor pendidikan tinggi sentiasa berubah secara dinamik dengan pelbagai pembaharuan dan inovasi pembelajaran menjelang abad ke-21. Matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa memerlukan MQA bergerak ke hadapan dalam pembangunan standard dan tanda aras kualitinya.

Sehubungan itu, bagi menjamin kelestarian dan kelangsungan kualiti pendidikan tinggi, MQA beriltizam merekayasa standard dan tanda aras kualiti yang bertaraf *world-class* agar mudah suai (agile) dalam mengiktiraf kepelbagaian, penanda aras kepada ukuran pelaksanaan, inovasi dan dinamika pendekatan pembelajaran dalam persekitaran formal, *informal* dan *non-formal* yang sentiasa berubah. Ini diharapkan dapat menggalakkan penerokaan pendekatan baharu proses pembelajaran yang lebih menarik yang seterusnya menyokong penghasilan graduan berdaya saing serta mampu mendepani cabaran abad ke-21. Justeru, bagi menyokong hasrat ini pembangunan dan kajian semula dokumen jaminan kualiti akan diperkasakan dengan mengadakan kerjasama secara berterusan dengan industri dan pihak berkepentingan supaya dokumen yang terhasil sentiasa dinamik dan mendepani *trend* pembelajaran pada masa kini dan akan datang.

## STRATEGI 1.2: MEREKAYASA STANDARD DAN TANDA ARAS KUALITI YANG DINAMIK DAN SEJAHTERA

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembangunan dan kajian semula dokumen jaminan kualiti (standard, standard program dan garis panduan) berdasarkan perkembangan baharu bidang pendidikan tinggi yang dinamik dengan mengadakan kerjasama industri/pihak berkepentingan dalam pembangunan panduan kualiti antaranya berkaitan:<br><br>i. Pendekatan *learning space with innovative digital learning qualities* termasuk AI, *augmented training* untuk menyokong kaedah *multisensory learning*<br>ii. Pengukuhan konsep *plug & play* dan *jukebox curriculum*<br>iii. Pelaksanaan *green curriculum*<br>iv. Pelaksanaan *values-based curriculum* termasuk nilai insaniah dan nilai kemanusiaan<br>v. Penerapan konsep sejahtera dalam norma baharu | 15 dokumen jaminan kualiti | Penawaran program yang lebih fleksibel dan berkualiti oleh PPT | 2021-2025 |

## STRATEGI 1.2: MEREKAYASA STANDARD DAN TANDA ARAS KUALITI YANG DINAMIK DAN SEJAHTERA

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 2. | Penyediaan garis panduan perkongsian sumber dan kepakaran dalam pelaksanaan program secara ODL (akademik dan TVET) | 1 garis panduan perkongsian<br><br>2 laporan pelaksanaan ODL (bertema) | Kepelbagaian pelaksanaan program | 2021-2025 |

## STRATEGI 1.3: MEMPERKASA KAJIAN DAN PENERBITAN PEMBELAJARAN MASA HADAPAN (*FUTURE LEARNING*)

Sistem pendidikan tinggi sentiasa berkembang seiring dengan keperluan abad ke-21. Sehubungan itu, kajian perlu dilaksanakan untuk menyokong perkembangan pendidikan tinggi yang sentiasa berubah (agility). Ini bagi memastikan pendidikan tinggi di Malaysia sentiasa kompetitif pada peringkat global.

Untuk meningkatkan keterlihatan di persada antarabangsa, MQA perlu mengeluarkan penerbitan atau hasil kajian yang berfokuskan kepada pendidikan tinggi. Bagi merealisasikan perkara tersebut, MQA akan bekerjasama dengan kumpulan pakar atau *special interest group* untuk melaksanakan kajian dan penerbitan berkaitan serta pembentangan di peringkat antarabangsa, seterusnya menjadikan MQA pusat rujukan di peringkat global.

Di samping itu, bagi memberi nilai tambah kepada MQA dalam bidang pendidikan tinggi yang semakin fleksibel, MQA akan menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk melaksanakan kajian berkaitan *future learning*. Sebagai badan jaminan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia, MQA akan terus meningkatkan rangkaian rakan kerjasama dalam eksperimentasi dan eksplorasi kajian arus perubahan pembelajaran masa hadapan.

## STRATEGI 1.3: MEMPERKASA KAJIAN DAN PENERBITAN PEMBELAJARAN MASA HADAPAN (FUTURE LEARNING)

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pelaksanaan penyelidikan/ kajian MQA berkaitan pembelajaran dan kemahiran masa hadapan (future learning) | 2 penyelidikan/kajian | Pengukuhan sumber rujukan pembangunan dasar dan proses jaminan kualiti | 2022-2025 |
| 2. | Pelaksanaan penyelidikan/ kajian/laporan dan penerbitan secara kerjasama dengan organisasi bersesuaian | | | |
| | i. Penyelidikan/kajian peringkat nasional | 2 penyelidikan/kajian | Pengukuhan jaringan kerjasama pakar bidang/pihak berkepentingan | 2022-2025 |
| | ii. Penyelidikan/kajian/ laporan peringkat antarabangsa | 2 penyelidikan/ kajian (termasuk mendapatkan pembiayaan dari luar seperti UNESCO dan lain-lain sumber pembiayaan antarabangsa) | Peningkatan sumbangan kepakaran MQA di arena antarabangsa | 2022-2025 |
| | iii. Penerbitan *signature* | 4 penerbitan *signature* | Pengukuhan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan | 2022-2025 |
| 3. | Kajian impak dokumen kualiti dengan pihak berkepentingan | 10 kajian impak | Penghasilan dokumen jaminan kualiti adalah memenuhi keperluan pihak berkepentingan, relevan dan terkini | 2021-2025 |

# TERAS STRATEGIK 2

## KETERSEDIAAN BAKAT INDUSTRI

Kebolehpasaran graduan yang menepati keperluan industri semasa dan masa hadapan merupakan satu cabaran utama dalam penawaran program. Penglibatan industri secara langsung dalam pelbagai aspek pembangunan, pelaksanaan dan juga penambahbaikan program adalah kriteria utama dalam memastikan kebolehpasaran graduan. Pelbagai bentuk inisiatif dan penawaran program yang berteraskan industri telah diperkenalkan seperti *work-based learning* dan program *internship* berstruktur seperti 2u2i.

Teras Strategik 2 akan memberi tumpuan kepada memperkukuh kerangka kualiti yang menyokong sinergi pelbagai pihak dalam penawaran program pengajian yang memenuhi keperluan industri. Pelaksanaan teras strategik ini didokong dengan pelaksanaan dua strategi, iaitu pertamanya pengukuhan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang memberi tumpuan kepada penambahbaikan sistem akreditasi program TVET dalam menyediakan graduan TVET yang kompetitif dan memenuhi keperluan pasaran. Strategi yang kedua memberi tumpuan kepada mempelbagaikan pendekatan *skilling, reskilling* dan *upskilling* yang membolehkan pengiktirafan bagi tujuan pengumpulan kredit dan penganugerahan dalam ekosistem MQF.

## STRATEGI 2.1: MEMPERKUKUHKAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET

Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET merupakan satu inisiatif yang bertujuan memperkukuh sistem akreditasi program TVET yang lebih menyeluruh dan berkesan. Pelaksanaan sistem yang mantap akan menyokong hasrat kerajaan mempertingkatkan pengiktirafan dan reputasi program TVET setanding program akademik, membuka peluang kerjaya yang lebih baik untuk graduan TVET serta memperluas peluang pembelajaran sepanjang hayat dalam mengoptimumkan daya saing bakat negara.

MQA akan menyediakan panduan dan sokongan yang berterusan kepada Penyedia TVET bagi memastikan penawaran program pengajian TVET yang berkualiti berlandaskan standard yang telah ditetapkan dalam MQF dan COPTPA.

Keberhasilan kepada pelaksanaan ini secara keseluruhannya akan mempertingkatkan produktiviti dan inovasi di industri selaras dengan ketersediaan tenaga kerja yang kompeten dan berbakat dalam menghadapi 4IR.

## STRATEGI 2.1: MEMPERKUKUHKAN SISTEM JAMINAN KUALITI TUNGGAL TVET

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penyediaan platform kerjasama antara penyedia TVET, industri dan agensi berkaitan | | | |
| | i. Libat urus berkaitan akreditasi | 3 libat urus berkaitan akreditasi | Pengukuhan proses jaminan kualiti akreditasi program TVET yang memenuhi keperluan industri | 2021-2025 |
| | ii. Libat urus berkaitan OISP | 5 libat urus berkaitan OISP | Pertambahan OISP menjadi rujukan untuk menghasilkan program TVET yang berkualiti | 2021-2025 |
| | | 20 pendaftaran dalam OISP | | 2022-2025 |
| 2. | Pembangunan panduan verifikasi kurikulum oleh industri | 100% panduan selesai dibangunkan | Pengukuhan peranan industri dalam pembangunan dan pelaksanaan program TVET | 2022-2023 |
| 3. | Penyediaan panduan artikulasi antara TVET dan akademik | 1 garis panduan/ *advisory note* | Peningkatan artikulasi antara program TVET dan akademik | 2021-2022 |

## STRATEGI 2.2: MEMPELBAGAIKAN PENDEKATAN *SKILLING, UPSKILLING* DAN *RESKILLING*

Perubahan drastik bidang teknologi, aplikasi, *trend* atau kaedah kerja baharu dan transformasi perniagaan yang semakin pantas menjadikan latihan kemahiran berasaskan kerjaya menjadi sangat signifikan. Bagi memastikan setiap pekerja mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh majikan, maka mereka perlu mengembangkan kemahiran dan bakat yang ada dengan mengikuti kursus-kursus kemahiran yang bersesuaian dari semasa ke semasa. Selari dengan perkembangan ini, MQA akan menyediakan sistem sokongan pelaksanaan kursus *Micro-credentials* bagi memastikan setiap aktiviti pembelajaran mempunyai kredit dan boleh didaftarkan dalam Daftar *Micro-credentials*.

Selain itu, bagi memastikan tenaga kerja kekal berdaya saing dan tangkas, pihak majikan perlu sentiasa peka dan menilai kemampuan serta kemahiran masa depan yang diperlukan oleh setiap pekerja. Justeru, pihak majikan perlu melatih dan menyusun semula kemahiran setiap pekerja dengan set kemahiran yang baharu bagi mempersiapkan mereka untuk mengambil peranan yang berbeza dalam pekerjaan. Set kemahiran ini boleh diperolehi dengan mempelbagaikan pendekatan *skilling, reskilling* atau *upskilling* yang melibatkan pekerja memperoleh kelayakan, pengiktirafan atau pendidikan baharu dalam bidang yang sama atau bidang kepakaran yang berbeza. Dalam hal ini, MQA akan mengeluarkan dokumen kualiti bagi menggalakkan pelaksanaan *multiple credentials*.

Pada masa yang sama, usaha untuk menyemarakkan penyertaan penggiat industri supaya graduan atau pekerja yang dihasilkan sepadan dengan keperluan industri semasa maka MQA akan turut mengeluarkan *advisory* bagi menggalakkan konsep *general/ technology assemblies, forward school* dan program berteknologi tinggi (high tech). Sehubungan itu, jalinan penyertaan industri yang terlibat secara langsung melatih individu yang berkaitan akan memberi manfaat yang besar kepada majikan, institusi pendidikan dan komuniti secara lebih inklusif dan holistik.

## STRATEGI 2.2: MEMPELBAGAIKAN PENDEKATAN *SKILLING*, *RESKILLING* DAN *UPSKILLING*

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengukuhan sistem sokongan pelaksanaan *Micro-credentials* | | | |
| | i. Pembangunan garis panduan penilaian kursus *Stand-alone Micro-credentials* | 100% garis panduan selesai dibangunkan | Pelaksanaan *Micro-credentials* diperluaskan kepada masyarakat | 2021-2022 |
| | ii. Daftar *Micro-credentials* MQA | 3,150 kursus *Micro-credentials* yang didaftarkan | Peningkatan keyakinan pihak awam kepada penawaran *Micro-credentials* dan memudahkan pelajar mendapatkan pindah kredit dan penganugerahan kelayakan | 2021-2025 |
| | iii. Pembangunan sistem repositori kredit pembelajaran | 500 akaun didaftarkan dalam sistem | Pemudahcaraan proses pengiktirafan oleh institusi PPT untuk menganugerahkan kelayakan bagi individu yang mengumpul kredit berdasarkan *Micro-credentials* | 2025 |
| 2. | Mengukuhkan pelaksanaan *multiple credentials* | 1 penerbitan *advisory*<br><br>1 laporan pelaksanaan | Mempelbagaikan kemahiran dalam penawaran dan pengiktirafan program | 2021-2023 |
| 3. | Menyokong penawaran program berkonsepkan *general/ technology assemblies* dan *forward school* | 1 penerbitan konsep pelaksanaan | Memperkukuhkan peranan industri dalam pembangunan kompetensi dan bakat | 2022-2023 |

## STRATEGI 2.2: MEMPELBAGAIKAN PENDEKATAN *SKILLING, RESKILLING* DAN *UPSKILLING*

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Menggiatkan penawaran program berteknologi tinggi (high technology) selaras STIE dengan kerjasama pihak berkepentingan | 1 garis panduan<br><br>1 libat urus dengan pihak berkuasa melantik dan majikan | Peningkatan penawaran program berteknologi tinggi dan pengiktirafan pihak berkuasa melantik dan majikan terhadap kelayakan *high technology diploma* sebagai salah satu cabang pekerjaan utama dengan skim gaji yang berbeza | 2022<br><br>2023 |

# TERAS STRATEGIK 3

## PENYAMPAIAN EFEKTIF DISOKONG KEMAMPANAN SUMBER

Sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap jaminan kualiti pendidikan tinggi negara, MQA bertekad untuk memastikan mutu penyampaian perkhidmatan adalah berintegriti, efektif dan efisien menerusi jalinan kerjasama yang erat dengan semua pihak berkepentingan. MQA akan mengendalikan program-program latihan dan pembangunan kepakaran yang strategik secara berterusan dengan tumpuan kepada keperluan pihak berkepentingan. Penyertaan semua pihak berkepentingan adalah penting untuk memupuk sinergi dan pembudayaan kualiti yang lestari dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.

Selaras dengan inisiatif kerajaan digital, perkhidmatan MQA dipertingkatkan melalui proses automasi dan integrasi sistem. Perkongsian data dan maklumat bersama pihak berkepentingan juga perlu supaya MQA dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih telus, efektif dan berkesan.

Bagi membolehkan penyampaian yang efektif dengan jayanya, agensi memerlukan sokongan sumber-sumber dalaman bagi mengadaptasi perubahan semasa yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan dengan mendapatkan hasil yang terbaik tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan. Oleh itu, kemampanan sumber merupakan elemen penting bagi memastikan usaha mencapai aspirasi agensi dapat berjalan lancar.

Sumber kewangan, bakat, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu disediakan dengan efektif serta sentiasa dipertingkatkan bagi mengimbangi perubahan ekosistem agensi. Sumber yang diurus secara terancang dan sentiasa fleksibel untuk menerima perubahan akan menyediakan landasan untuk operasi yang lebih efisien.

## STRATEGI 3.1: MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN KAPASITI, KOMPETENSI DAN LIBAT URUS PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PROSES JAMINAN KUALITI

MQA berhasrat untuk memantapkan lagi hubungan strategik dengan semua pihak berkepentingan serta mewujudkan satu prasarana kondusif yang menyokong budaya jaminan kualiti dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.

Sehubungan itu, MQA akan menawarkan program pembangunan kompetensi dan pensijilan jaminan kualiti kepada pihak berkepentingan, khususnya PPT, APP dan juga pegawai MQA. MQA berharap dengan penganjuran program *educate to facilitate* yang melibatkan pihak berkepentingan, pemahaman dan apresiasi terhadap jaminan kualiti dapat dipertingkatkan dan dijadikan satu agenda dan amanah bersama dalam pendidikan tinggi negara.

## STRATEGI 3.1: MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN KAPASITI, KOMPETENSI DAN LIBAT URUS PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PROSES JAMINAN KUALITI

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengukuhan pembangunan kapasiti dan peningkatan kompetensi pihak berkepentingan utama iaitu PPT dan APP | | | |
| | i. Program IQA (PPT) | 175 PPT | Peningkatan kapasiti dan kompetensi pegawai IQA PPT ke arah pembudayaan jaminan kualiti pendidikan tinggi | 2021-2025 |
| | ii. Program pembangunan APP | 100% daripada calon APP menjalani latihan pembangunan APP<br><br>30% daripada APP sedia ada | Peningkatan kapasiti dan kompetensi APP bagi pelaksanaan penilaian akreditasi pendidikan tinggi yang lebih mantap dan utuh | 2021-2025 |
| 2. | Pemerkasaan libat urus proses jaminan kualiti bersama badan profesional/ industri | 25 badan profesional/ industri | Pengukuhan jaringan kerjasama dengan badan profesional/industri dalam konteks jaminan kualiti pendidikan tinggi | 2021-2025 |
| 3. | Peningkatan program/sesi kesedaran dan pengetahuan pihak berkepentingan seperti pelajar, ibu bapa dan orang awam | 100 program | Peningkatan pemahaman orang awam terhadap kepentingan akreditasi dan fungsi MQA | 2021-2025 |

## STRATEGI 3.2: MEMPERTINGKAT AUTOMASI PROSES DAN INTEGRASI SISTEM

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berintegriti, cekap dan berkesan, MQA akan memfokus kepada pembangunan dan penggunaan sistem automasi proses dan integrasi sistem maklumat dalaman khususnya dalam penyampaian perkhidmatan akreditasi dan pengiktirafan. Inisiatif ini akan melibatkan pengemaskinian dan penggunaan automasi dalam proses-proses utama MQA di mana pengurusan maklumat akan menjadi lebih cekap, berkesan dan sistematik. Proses ini juga akan melibatkan penambahbaikan proses kerja dalaman serta perkongsian data dan maklumat antara pihak berkepentingan. Pendekatan ini dapat memastikan bahawa operasi dan perkhidmatan MQA adalah telus, berintegriti, cekap dan berkesan.

## STRATEGI 3.2: MEMPERTINGKAT AUTOMASI PROSES DAN INTEGRASI SISTEM

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Permohonan dan penilaian secara dalam talian untuk proses-proses MQA yang tertentu: | | | |
| | i. Akreditasi<br><br>Nota: Merangkumi permohonan, laporan APP sehingga keputusan MJA, pemantauan syarat | 100% pembangunan sistem (2021–2023)<br><br>100% pelaksanaan sistem (2024–2025) | a. Pelaksanaan sistem pengurusan proses akreditasi<br>b. Integrasi data akreditasi yang telus dan berintegriti | 2021-2025 |
| | ii. Audit institusi<br><br>Nota: Meliputi permohonan penyenaraian dan pendaftaran program swaakreditasi, pematuhan akreditasi dan penilaian MPU | 100% pembangunan sistem (2021–2023)<br><br>100% pelaksanaan sistem (2024–2025) | a. Pelaksanaan sistem pengurusan proses audit institusi<br>b. Integrasi data akreditasi dan institusi yang telus dan berintegriti | 2021-2025 |
| | iii. APEL (APEL.A; APEL.C; APEL.Q; APEL.M)<br><br>Nota: Merangkumi permohonan dan persijilan APEL (institusi dan individu) | 100% pembangunan sistem (2022–2023)<br><br>100% pelaksanaan sistem (2024) | Pelaksanaan sistem pengurusan APEL | 2022-2024 |

## STRATEGI 3.2: MEMPERTINGKAT AUTOMASI PROSES DAN INTEGRASI SISTEM

| BIL. | PROGRAM | KPI | *OUTCOME* | TAHUN SASARAN |
|---|---|---|---|---|
